

Kesinambungan PPN bakal diumumkan

BH- 27/7/2021 m/4:3

Perincian diketahui ketika pembentangan RMKe-12, Belanjawan 2022

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengumumkan kesinambungan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan memperincikan langkah pemulihan ekonomi lain semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Belanjawan 2022.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata RMKe-12 dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada 20 September depan, manakala Belanjawan 2022 pada 29 Oktober.

"Saya juga ingin maklumkan, Belanjawan 2022 akan menumpukan tiga fokus utama iaitu agenda memacu pemulihan ekonomi, membina semula daya ketahanan negara dan memangkin pembaharuan atau *Recovery, Resilience, Reform*."

"Sehubungan ini, tumpuan khusus akan diberikan kepada usaha untuk memulihkan sektor terjejas seperti pelancongan, meningkatkan keupayaan sistem kesihatan awam serta skop perlin-

dungan sosial dan merancakkan ekonomi digital dalam usaha mengukuhkan daya saing negara dalam menghadapi norma baharu global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menerusi Kementerian Kewangan juga buat kali pertama akan menerbitkan kenyataan prabelanjawan termasuk dokumen konsultasi rakyat mengenai tumpuan dasar pada bulan depan.

"Ini selaras dengan usaha meningkatkan ketelusan proses dan pembabitatan rakyat dalam penyediaan bajet tahunan.

"Selain itu, sebagai elemen utama penyampaian maklumat mengenai pelaksanaan PPN kepada masyarakat awam, sebuah Portal Pelan Pemulihan Negara dibangunkan sebagai pusat rujukan sehati yang memaparkan indikator terkini dan maklumat berkaitan PPN, manfaat dan juga prosedur operasi standard (SOP) terkini dengan cara yang lebih mesra pengguna," katanya.

Menyedari situasi rakyat semasa keadaan sukar ini, Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan telah melaksanakan lapan Pakej Rangsangan Ekonomi sejak penularan pandemik COVID-19 lebih setahun lalu dengan pelbagai bantuan tunai kepada rakyat.

Lapan pakej berkenaan memberi manfaat kepada lebih 20 juta rakyat dan 2.4 juta premis serta entiti perniagaan di negara ini dengan peruntukan berjumlah lebih RM200 bilion.

Pakej berkenaan termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Prihatin PKS Tambahan, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Pakej Kerangka Inisiatif Tambahan Khas: Kita Prihatin, Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), PEMERKASA Tambahan serta Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

"Semua pengumuman pakej rangsangan ini sebahagiannya sudah dan akan dibiayai menggunakan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19).

"Penuhuan KWC-19 adalah berlandaskan perundangan di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830] yang diluluskan sebulat suara oleh Dewan Rakyat.

"Penjelasan lanjut berhubung semua pakej bantuan dan perbelanjaan di bawah KWC-19 ini akan diperincikan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz semasa sesi penerangan Pakej-Pakej



Muhyiddin memberi penerangan mengenai PPN pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam. (Foto ihsan RTM)

Bantuan Ekonomi pada 29 Julai nanti," katanya.

Kerajaan menurut Muhyiddin telah membenarkan moratorium pinjaman bank selama 12 bulan, enam bulan pada tahun lalu dan enam bulan lagi melalui pengumuman pakej PEMULIH, baru-baru ini.

"Kerajaan juga meneruskan pemberian diskaun bil elektrik dan subsidi minyak masak serta minyak petrol untuk manfaat rakyat.

"Di samping itu, pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran turut dilaksanakan sebagai persediaan dalam meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja dan menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya.

Manakala khusus bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju menyediakan bayaran tambahan di bawah Geran Khas Prihatin (GKP) sebanyak RM1,000 yang akan dibayar masing-masing sebanyak RM500 pada September dan November tahun ini.

Selain itu, bagi menyokong agenda digitalisasi usahawan PKS, beliau berkata, kerajaan tu-

rut menyediakan geran padanan sehingga RM5,000 bagi pembelian sistem atau langganan platform digital melalui program *SME Digitalisation Grant*.

Bagi menyokong sektor PKS mendapat kemudahan pembiayaan dan bangkit semula pada fasa pemulihan, beliau berkata, kerajaan akan meningkatkan had siling jaminan di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sebanyak RM20 bilion.

"Bank Negara Malaysia juga komited menyediakan akses bantuan kewangan kepada usahawan PKS dengan menambah dana pinjaman mudah bagi PKS sebanyak RM4 bilion lagi untuk 2021.

"Setakat hujung Jun 2021, masih terdapat baki keseluruhan dana pembiayaan PKS berjumlah RM8.6 bilion untuk dimanfaatkan oleh PKS," katanya.

Di bawah pakej PEMULIH, Muhyiddin berkata, PKS juga boleh mendapatkan kemudahan mikro-kredit sehingga RM1.1 bilion yang disediakan AgroBank dan Bank Simpanan Nasional masing-masing berjumlah RM500 juta dan TEKUN sebanyak RM100 juta.